

08 JUL 2001

SAPP-Likas

SAPP SAMBUT BAIK KENYATAAN SETIAUSAHA AGUNG BN MENGENAI LIKAS

KOTA KINABALU, 8 Julai (Bernama) -- Parti Maju Sabah (SAPP) menyambut baik pengesahan semalam oleh Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) Tan Sri Mohamed Rahmat, yang calon SAPP akan mewakili BN dalam pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Likas.

Setiausaha Agung SAPP Richard Yong hari ini berkata, SAPP memberi jaminan yang ia telahpun bersiap sedia bagi menghadapi pilihan raya kecil itu yang diadakan selepas Mahkamah Pilihan Raya memutuskan keputusan pilihan raya negeri 1999 bagi Likas adalah tidak sah dan batal kerana berberapa kesalahan dan kewujudan 'pengundi hantu'.

Hari penamaan calon bagi pilihan raya kecil itu telah ditetapkan pada Khamis ini (12 Julai) dan jika ada pertandingan, pengundian akan dijalankan pada 21 Julai.

Ditanya mengenai calon pilihan SAPP, Richard berkata, ia akan diumumkan kemudian.

Ditanya sama ada presiden SAPP Datuk Yong Teck Lee akan dicalonkan semula, Richard berkata Yong masih merupakan calon pilihan utama.

"Kita mempunyai lebih daripada cukup orang berkelayakan tetapi pilihan utama masih Datuk Yong," kata beliau apabila dihubungi.

Yong dibenarkan penangguhan pelaksanaan penghakiman yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Pilihan Raya Datuk Muhammad Kamil Awang yang memutuskan beliau telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 11 (c) dan (d) Seksyen 32 Akta Kesalahan-kesalahan Pilihan Raya 1954.

Peguam Yong berkata, penangguhan pelaksanaan itu akan melayakan Yong untuk dicalonkan semula dalam pilihan raya kecil itu.

"Kita hanya perlu menunggu," kata Richard.

BN dijangka mengumumkan calonnya esok ataupun selewat-lewatnya sehari sebelum hari penamaan calon pada Khamis ini di Dewan Maksak di Likas.

Sehingga semalam tiga parti -- SAPP, Parti Keadilan Nasional dan seorang calon bebas -- telah mengambil borang penamaan calon.

Sementara itu apabila ditanya mengenai isu yang sama, Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan Umno Sabah Datuk Osu Sukam berkata, keputusan mengenai calon BN bagi Likas akan diumumkan oleh Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Apabila beliau telah membuat keputusan, kita akur. Kita tidak akan persoalkan sama ada ia memihak kepada mana-mana parti komponen...itu soal kedua kerana yang penting kita sudah gerakkan jentera kita untuk menjamin kemenangan BN," katanya.

Umno telah menyatakan hasrat untuk menurunkan calonnya jika BN memutuskan untuk mengemukakan calon selain daripada Yong. Selain daripada Umno, MCA juga telah menyatakan minatnya untuk bertanding.

Ditanya mengapa Umno berminat dengan kerusi itu, Osu berkata: "Ia kerana kita mempunyai bahagian Umno di situ dan juga kerana kebanyakan pengundi di sana adalah daripada masyarakat Melayu...jadi adalah semulajadi (yang kita mempunyai minat seperti itu)," katanya.

Mengenai persiapan Umno untuk membantu kempen BN di Likas, Osu berkata: "Kita telah melalui banyak pilihan raya dan seperti biasa jentera Umno telah digerakkan dan kita yakin BN akan mencapai kemenangan."

-- BERNAMA

JS PR